

# Bidang ICT sudah menjadi budaya hidup seharian

UB 12/11/11 B3

KOTA KINABALU: Bidang ICT masa kini telah menjadi budaya hidup seharian di mana pengguna bukan sahaja mendapat maklumat tetapi pendidikan, pentadbiran dan komunikasi.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Datuk Kassim Mansur berkata dengan kemajuan teknologi ICT masa kini ianya sudah menjadi budaya untuk melaksanakan senarai tugas selain dapat membantu melancarkan pelbagai pekerjaan dalam masa yang cepat.

Beliau berharap ia dapat dimanfaatkan dari sudut yang positif kerana ianya banyak keuntungan yang boleh diperolehi seperti



SERAH...Effendy Hadis (kiri) sedang menyerahkan dua papan kekunci tanda simbolik kepada Maidin Ajah, Timbalan Pengerusi, Jawatankuasa Masjid An-Nur Kampung Rampayan Menggatal disaksikan oleh tetamu yang lain.

penyediaan dokumen.

“Satu hari nanti kita dapat saksikan khtubah Jumaat dipaparkan dengan ringkasan isi kandungan selain kita gunakan facebook untuk tujuan berdakwah dan boleh membaca al-Quran berserta terjemahan di dalam komputer,” katanya pada majlis penyampaian dua komputer kepada jawatankuasa Masjid An-Nur Kampung Rampayan, Menggatal kelmarin.

Menyentuh majlis itu, Kassim berkata UMS melalui Unit Media dan Teknologi serta Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni bergabung tenaga untuk melaksanakan satu lagi peranan dan tanggungjawab universiti kepada masyarakat melalui program khidmat bersama masyarakat.



BERUCAP...Prof Dr.Kassim sedang berucap.

Sementara itu, Pengerusi Masjid An-Nur Kg Rampayan, Masri Mansor melahirkan penghargaan kepada pihak UMS di atas sumbangan itu dan berharap ia memberi manfaat bukan sahaja kepada pengurusan masjid tetapi orang yang memerlukan bantuan seperti penyediaan dokumen dan sebagainya.

Menurutnya, dengan sumbangan itu pihaknya akan mengadakan kursus asas kepada para ahli selain penduduk kampung dan orang ramai.

“Peringkat awal ini sudah ada permintaan untuk

mereka belajar asas cara-cara menggunakan komputer dan ini satu sumbangan yang besar dalam menyediakan pelbagai ilmu termasuk ICT kepada masyarakat,” katanya.

Beliau berharap usaha itu akan diteruskan dengan mengadakan pelbagai kursus dalam masa akan datang termasuk mengadakan kursus pengurusan masjid peringkat Parlimen Sepanggar.

Penyerahan dua komputer itu telah dilakukan oleh Pemangku Ketua Unit Media dan Teknologi Pendidikan UMS, Effendy Hadis, kepada Masri, sambil disaksikan oleh Kassim.